

Headline **Penyelidik UPM pecah monopoli**
 Date **29. Mar 2008** Language **MALAY**
 Media Title **Berita Harian** Page No **35**
 Section **Pendidikan** Article Size **288** cm2
 Circulation **217920** Frequency **Daily**
 Readership **2083000** Color **Full Color**



Penyelidik UPM pecah monopoli

PENYELIDIK muda Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Zulhamri Abdullah memecah monopoli cendekiawan Asia Barat bagi penerimaan hadiah Penyelidikan Universiti Persekutuan Universiti Dunia Islam apabila dipilih memenanginya tahun lalu.

Zulhamri, 35, mendapat pengiktirafan antarabangsa itu melalui kertas penyelidikannya bertajuk *Beyond Corporate Image: Projecting International Reputation Management as a New Theoretical Approach in a Transitional Country*.

Hadiah disampaikan Pengerusi Majlis Eksekutif Persekutuan Universiti Dunia Islam (FUIW) merangkap Presiden Islamic Azad University, Dr Abdullah Jassbi pada majlis pembukaan 13th Session of the Executive Council of FUIW di Kuala Lumpur, kelmarin.

Hadir sama Ketua Pengarah Perubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Islam (ISESCO), Dr Abdul Aziz Othman Altawajri serta Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Prof Datuk Dr Syed Arabi Idid Syed Abdullah Idid.

Ketika ditemui, Zulhamri yang juga Timbalan Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM,



PENGIKTIRAFAN ANTARABANGSA: Abdullah (kanan) menyampaikan hadiah kepada Zulhamri, sambil diperhatikan Syed Arabi, di Kuala Lumpur, kelmarin.

berkata penyelidikannya memperkenalkan wacana baru mengenai pencapaian organisasi termaju berdasarkan reputasi etika dan moral, bukan keuntungan tinggi seperti falsafah diguna pakai negara Barat.

“Prinsip moral, ketelusan, kepercayaan dan kredibiliti organisasi berdasarkan model nilai Islam amat penting untuk mengiktiraf persepsi pencapaian sesebuah organisasi,” katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah, menyifatkan kejayaan Zulhamri itu sebagai pengiktirafan FUIW terhadap keupayaan penyelidik universiti di Malaysia.